

# SPEKTRUM@PSN

Edisi Januari 2014

## Apa yang menarik bulan ini?

- PSN Tawarkan Lebih Banyak Program Menarik Bagi Tahun 2014... 1
- Kalendar Aktiviti PSN Tahun 2014... 2
- Sana-sini PSN... 3
- Info Sains... 3
- Program Menarik Akan Datang... 4
- Judul Buku Untuk Bulan Ini... 4
- Jom Kenali Bahan Pameran... 4

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas boleh menghubungi:

**Pusat Sains Negara,  
Kem. Sains, Teknologi dan  
Inovasi,  
Persiaran Bukit Kiara,  
50662 Bukit Kiara  
Kuala Lumpur  
Tel: 03-20893400  
Faks: 03-20893401  
[www.psn.gov.my](http://www.psn.gov.my)  
[www.facebook.com/PusatSainsNegara](http://www.facebook.com/PusatSainsNegara)**



## PSN TAWARKAN LEBIH BANYAK PROGRAM MENARIK BAGI TAHUN 2014

Kunjungan ke Pusat Sains Negara (PSN) sememangnya menawarkan peluang untuk menerokai dunia sains yang penuh keterujaan melalui pengalaman berinteraksi secara langsung dengan fenomena sains yang disampaikan dengan cara yang mudah difahami. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan semuanya mempunyai hubung kait dengan bidang sains dalam usaha memberi pendedahan serta menanam minat masyarakat menceburkan diri dalam bidang ini.


Dalam usaha ke arah itu, pelbagai program serta aktiviti telah dianjurkan di PSN pada tahun lalu dan tahun-tahun sebelumnya. Bagi tahun 2014, terdapat banyak lagi aktiviti menarik telah direncana untuk dianjurkan sebagai inisiatif menggalakkan orang ramai mengunjungi PSN.

Selain daripada galeri pameran tetap yang terdapat di sini seperti *Wonderspark*, *Pathways to Science*, *Kidz World*, *Flight* dan *Thinking Machines*, PSN turut menganjurkan dua pameran bertema iaitu '1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' serta 'Science of Fear'. Kedua-dua pameran bertema ini dibawa khas dari luar negara untuk memberikan ilmu dan manfaat kepada orang ramai. Di samping itu, pelbagai lagi aktiviti menarik telah dirancang antaranya program cuti sekolah, festival serta pertandingan.

Oleh itu, untuk tidak terlepas peluang ini orang ramai diseru untuk berkunjung ke PSN sambil menikmati masa berkualiti bersama rakan dan keluarga dengan meneroka dunia sains yang penuh keseronokan.



# KALENDER AKTIVITI 2014



PUSAT SAINS NEGARA

\*Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.  
 \*Any changes will be inform later.



# SANA-SINI PSN...

**Puspanita PSN sertai Pertandingan  
Nasyid Anjuran Puspanita MOSTI**  
23 Januari 2014  
Jabatan Kimia Malaysia  
Petaling Jaya, Selangor



**Lawatan Puspanita PSN  
ke Muzium Coklat**  
27 Januari 2014  
Kota Damansara,  
Kuala Lumpur

***Science on Wheels (Outreach)***  
24-27 Januari 2014  
Kemaman,  
Terengganu



## INFO SAINS



### Tahukah anda?

Ikan memiliki garis deria pada bahagian tepi badan yang berfungsi sebagai radar bagi mengesan getaran dan perubahan gelombang di dalam air.



# PROGRAM MENARIK AKAN DATANG...

## ❖ Pameran '1001 Inventions'

31 Ogos 2013 – 28 Februari 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

## ❖ Pameran 'Science of fear'

30 Disember 2013 – 30 April 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

## ❖ festival 'Science of fear'

22-23 Mac 2014

Pusat Sains Negara  
Kuala Lumpur

### Jom Kenali Bahan Pameran



**Nama:** Max Climber

**Lokasi:** Science Wonderland

**Fungsi:** Bahan pameran ini menerangkan mengenai konsep daya. Apabila anda memanjat di rod keluli, daya geseran akan memegang pedal kaki pada rod keluli tersebut. Daya ini akan memegang kedudukan anda di tempat yang anda berhenti. Sebaliknya, apabila anda menggerakkan pedal kaki ke atas, anda akan membebaskan daya geseran dan ini membenarkan anda untuk bergerak lebih tinggi.




### JUDUL BUKU UNTUK BULAN INI

#### *THE ART OF TEACHING SCIENCE*

**Penulis:** Jack Hassard and Michael Dias

**Penerbit:** Oxford University Press / 2009



Buku ini mengetengahkan pandangan mengenai panduan mengajar yang berasaskan penyelidikan kedua-dua kaedah iaitu kontemporari dan klasik. Penulis menggambarkan bahawa mengajar sebagai satu proses yang dipengaruhi oleh pengalaman terdahulu, kepercayaan, pengetahuan serta sikap. Buku ini lebih menekankan mengenai kemanusiaan, pendekatan eksperimental dan konstruktif untuk pengajaran dan pembelajaran serta mengintegrasikan pelbagai alat pedagogi.